

U B533 DEB  
KABINET - LAWATAN

KUALA LUMPUR, 9 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU KABINET HARI INI BAHAWA KAPAL TERBANG JENIS KECIL DAN HELIKOPTER BUATAN INDONESIA ADALAH BERMUTU TINGGI. BELIAU BERPENDAPAT TIDAK ADA SEBAB MENGAPA NEGARA-NEGARA JIRAN TERMASUK MALAYSIA SENDIRI TIDAK MEMESAN UNTUK MEMBELI PESAWAT-PESAWAT ITU.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI SINI, MENTERI PENERANGAN DATUK RAIS YATIM BERKATA PERDANA MENTERI TELAH MENEGASKAN DEMIKIAN DALAM TAKLIMATNYA MENGENAI LAWATAN SEHARINYA KE INDONESIA SEMALAM UNTUK MENINJAU PROJEK PEMBIKINAN KAPAL TERBANG DI BANDUNG DAN SETERUSNYA MENGUNJUNGI PRESIDEN SUHARTO.

MENURUT DATUK RAIS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PESAWAT-PESAWAT BUATAN INDONESIA ITU ADALAH SOFISTIKATED DAN DIDAPATI SESUAI UNTUK KEGUNAAN PELBAGAI PIHAK DI SINI.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU KABINET BAHAWA BELIAU AMAT BERPUASHATI DENGAN SIKAP DEDIKASI, KECEKAPAN DAN PENGGUNAAN TENAGA MANUSIA DI KILANG KAPAL TERBANG ITU. -- LAGI.  
1704MST 09 10 85

KABINET - LAWATAN 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAHIRKAN HARAPANNYA AGAR PARA PEKERJA MALAYSIA JUGA MEMPUNYAI SEMANGAT KENEGARAAN DAN NASIONALISME YANG TINGGI SEBAGAIMANA YANG DITUNJUKKAN OLEH RAKAN-RAKAN MEREKA DI INDONESIA.

DALAM HUBUNGAN INI, KATA DATUK RAIS, PERDANA MENTERI JUGA MENCERITAKAN BAHAWA PERKARA-PERKARA SEPERTI TUNTUTAN GAJI YANG MELULU, SOAL-SOAL KEPENTINGAN PERIBADI DAN LAIN-LAIN ISU YANG TIDAK MENCERMINKAN SEMANGAT ITU TIDAK TERDAPAT DI INDONESIA.

MENGENAI PERBINCANGANNYA DENGAN PRESIDEN SUHARTO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU KABINET BAHAWA MEREKA TELAH MEMBINCANGKAN PERKARA KEPENTINGAN DUA HALA DAN BELIAU TELAH MENGAMBIL KESEMPATAN DARI PERTEMUAN ITU UNTUK MENGHADIAHKANNYA SEBUAH KERETA NASIONAL, PROTON SAGA, SEBAGAI MELAMBANGKAN PERSAHABATAN ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

KATA DATUK RAIS, HADIAH ITU MEMBAWA ERTI YANG BESAR MAKNANYA KEPADA MALAYSIA KERANA KERETA BUATAN NEGARA INI DIGUNAKAN OLEH SEORANG PEMIMPIN NEGARA LUAR.

MENGENAI SAMA ADA KERETA NASIONAL ITU AKAN DIPASARKAN DI INDONESIA, DATUK RAIS BERKATA TIDAK ADA KEPUTUSAN DIBUAT MENGENAINYA.

-- BERNAMA.  
1710MST 09 10 85